



10 Julai 2015
10 July 2015
P.U. (B) 278

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PENGEQUALIAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 2A(2)

EXEMPTION UNDER SUBSECTION 2A(2)



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PENGECUALIAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 2A(2)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2A(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], Menteri mengecualikan Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. daripada semua peruntukan Akta bagi tempoh sepuluh tahun berkuat kuasa mulai 26 Januari 2014 dengan syarat bahawa—

- (a) Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. memaklumkan kepada Menteri apa-apa perubahan yang dibuat, dalam dokumen yang dikemukakan apabila memohon pengecualian, dalam masa empat minggu dari tarikh perubahan itu;
- (b) faedah bagi pinjaman bercagarnya tidak boleh melebihi 12% setahun manakala faedah bagi pinjaman tanpa cagarannya tidak boleh melebihi 18% setahun dan faedah ini tidak boleh pada bila-bila masa dipungut oleh Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. akan suatu jumlah yang melebihi jumlah pinjaman pokok yang kena dibayar;
- (c) suatu penyata kewangan tahunannya yang telah diaudit hendaklah dikemukakan kepada Menteri tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhir suatu tahun kewangannya; dan
- (d) Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. hendaklah, tidak lewat daripada 1 Februari setiap tahun, mengemukakan kepada Menteri suatu penyata rekod mengenai transaksi pemberian pinjaman wangnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa maklumat yang ditentukan oleh Pendaftar mengikut subperaturan 16(1) Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 [*P.U. (A) 400/2003*].

Bertarikh 2 Julai 2015
[KPKT/PUU/9/02 Jld. 6(61); PN(PU2)154/XVII]

DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
*Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

MONEYLENDERS ACT 1951

EXEMPTION UNDER SUBSECTION 2A(2)

IN exercise of the powers conferred by subsection 2A(2) of the Moneylenders Act 1951 [Act 400], the Minister exempts Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. from all of the provisions of the Act for a period of ten years with effect from 26 January 2014 provided that—

- (a) Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. informs the Minister of any alterations made, in the documents submitted when applying for exemption, within four weeks of the date of such alteration;
- (b) the interest for its secured loan shall not exceed 12% per annum while the interest for its unsecured loan shall not exceed 18% per annum and the interest shall not at any time be collected by Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. of an amount in excess of the sum then due as principal;
- (c) its audited yearly financial statement shall be submitted to the Minister not later than three months after the end of its financial year; and
- (d) Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. shall, not later than 1 February of each year, submit to the Minister a statement of records of its moneylending transactions in such format and containing such information as determined by the Registrar in accordance with subregulation 16(1) of the Moneylenders (Control and Licensing) Regulations 2003 [P.U. (A) 400/2003].

Dated 2 July 2015
[KPKT/PUU/9/02 Jld. 6(61); PN(PU2)154/XVII]

DATUK ABDUL RAHMAN DAHLAN
*Minister of Urban Wellbeing,
Housing and Local Government*